

**ANTARA  
MIMPI DR  
MAHATHIR  
DENGAN  
IGAU  
DATUK  
ASRI**

**ESOK** orang Melayu khususnya diminta memi' h salah satu antara dua mimpi: 'Mimpi' Datuk Seri Dr. Mahathir atau 'mimpi' Datuk Asri.

Jikalau mereka ingin menikmati mimpi Dr Mahathir mereka haruslah mengundi Barisan Nasional. Tetapi, jika mereka inginkan mimpi Datuk Asri, mereka harus mengundi Pas.

Orang Melayu amnya barang kali tidak akan menghadapi kesulitan bila membuat pilihan mereka. Kerana pada dasarnya kedua mimpi tersebut adalah mimpi orang Melayu. Jadi, teras mimpi itu teras Melayu. Tetapi pemilihan mungkin menjadi sulit kerana kandungan, matlamat pemilihan mungkin menjadi sulit kerana kandungan, matlamat dan cara mencapai mimpi tersebut adalah jauh berbeza. Apakah bezanya?

Mimpi Dr Mahathir sebenarnya mimpi yang bermula di zaman kesultanan Melaka. Zaman kesultanan Melaka adalah zaman gemilang orang Melayu; zaman keagungan kuasa politik orang Melayu; zaman ketuanan orang Melayu di rantau ini.

Kita mengetahui melalui sejarah, negara besar serantau seperti negeri China sekalipun menghormati kewibawaan Melaka. Ketuanan itu terasa bukan saja di bidang politik malah di bidang ekonomi dan sosial juga. Bahasa perantaraan antara saudagar-saudagar yang berniaga di Melaka, misalnya, adalah bahasa Melayu. Jelas, maruah dan martabat orang Melayu di mata orang asing pada waktu itu tersangat tinggi. Kita adalah bangsa yang termaju dan terkuat di seluruh Kepulauan Melayu.

Jadi apabila Datuk Seri Dr Mahathir bercakap mengenai 'mimpinya' hendak mengangkat maruah dan martabat negara kita di mata orang asing; hendak mengangkat taraf

hidup rakyat ke tangga yang lebih tinggi; hendak menyatukan orang Melayu dan masyarakat Malaysia; hendak menjamin kedudukan agama Islam dan mempertingkatkan pendidikan Islam di samping memelihara kebebasan beragama di negara ini, beliau sebenarnya ingin mengulangi sejarah kegemilangan orang Melayu di zaman keagungan Melaka.

### ibadat

Mimpi Dr. Mahathir adalah mimpi hendak mengembalikan ketuanan kita di rantau ini. Sudah lama kita lemah kerana hidup berpecahbelah baik dari segi perjuangan maupun tujuan hidup. Pertikalan dan pergeseran antara Parti Pas dan Umno yang begitu berlarut-larut, sejak merdeka hingga sekarang, lebih banyak merugikan orang Melayu. Terutama sekali dalam keadaan sekarang.

Mimpi Datuk Asri sebenarnya hanyalah sebahagian kecil daripada mimpi Dr. Mahathir. Mimpi Datuk Asri bukan mimpi besar, bukan mimpi yang mencakup keagungan bangsa serantau.

Mimpi Datuk Asri hendak menjadikan negara kita negara Islam bukan khusus mimpi Datuk Asri seorang saja. Syiar Islam sudah luas berkembang sejak zaman kesultanan Melaka. Melaka pada waktu itu sudah menjadi pusat perkembangan agama Islam ke seluruh negara di rantau ini. Orang Melayu sudah kuat beramal ibadat mengikut ajaran Islam sejak zaman itu, meskipun parti Pas belum ada.

Soal hendak menggilap kecemerlangan Islam dan menyebarnya di seluruh pelusuk tanahair, malah ke seluruh rantau ini sekalipun, bukanlah hak mutlak parti Pas dan Datuk Asri. Datuk Asri dan parti Pas tidak boleh mendabik dada, mereka sajalah paling layak dan paling bijak memperjuangkan tuntutan Islam.

Datuk Asri dan Pas

tidak boleh anggap orang tidak segolongan mereka buta agama. Pas bukanlah sebab utama mengapa agama Islam diterima dan tersebar luas dalam negara kita. Malah yang menjadikan Islam agama rasmi negara pun bukanlah Pas, tetapi Umno.

Saudara Anwar Ibrahim sendiri suatu masa dulu menganggap segala usaha Umno untuk kepentingan agama Islam sebagai usaha pada peringkat 'kult' saja, sebagai usaha yang tidak 'fundamental'. Akan tetapi Saudara Anwar sendiri sekarang mengakui tidak ada parti lain yang boleh memperjuang idealisme Islam seperti Umno. Syukur alhamdulillah.

Tokoh-tokoh muda berwibawa seperti Anwar yang patut diikuti oleh ahli-ahli Pas. Pokoknya, Saudara Anwar secara sedar membuktikan sumbangan Pas terhadap perkembangan Islam dulu dan sekarang adalah ibarat melukut di tepi gantang.

### Pendidikan

Mimpi Datuk Asri hendak menjadi jaguh sebuah pemerintahan berdasarkan Islam adalah satu igauan yang panjang. Kita tidak mempersoal tinggi rendah ilmu Pas mengenai Islam. (Walaupun barangkali perkara ini patut sekali-sekala ditimbulkan). Kita tidak ingin berhujah dengan Pas mengenai cepak atau tidaknya mereka menjadi pemimpin umah. Tetapi kita ingin bangkitkan soal idealisme Pas dan pelaksanaannya.

Apakah yang diberikan Pas kepada agama Islam dan orang-orang Melayu selama ini? Apakah yang Pas berikan kepada agama Islam di Kelantan, terutamanya? Pendidikan Islam? Cara hidup orang Islam? Sistem ekonomi Islam? Sistem politik Islam? Semua ini sangat kabur.

Barang kali boleh kita jawab melalui beberapa soalan lain lagi. Jikalau Pas saja yang boleh mengembangkan pefajaran bercorak Islam di

Kelantan mengapakah negeri seperti Kedah, Perlis, Pulau Pinang dan Johor memberi perhatian penting kepada pelajaran agama Islam sejak sebelum merdeka? Adakah cara hidup orang Islam di Kelantan lebih jauh berbeza daripada cara hidup orang Islam di negeri-negeri lain? Adakah Pas sudah membentuk sebuah bank yang ditadbir mengikut dasar-dasar Islam sewaktu Pas memerintah Kelantan dulu? Adakah Pas mengemukakan dasar pemerintahan berlandaskan Islam di Kelantan dulu?

Yang lebih penting, adakah Datuk Asri mengamalkan dasar demokrasi Islam dalam partinya sendiri? Dewan Pemuda Pas dalam muktamarnya ke-19 pada 25 November 1978 dulu pernah mengusulkan pucuk pimpinan Pas supaya 'satu sistem pemilihan yang sifatnya kolektif dan lebih mendekati pengertian syura dilaksanakan dalam pimpinan Pas di semua peringkat. Pindaan-pindaan tertentu kepada Perlembagaan Pas mesti dibuat untuk memenuhi kehendak di atas.' Kita tentu dapat memahami maksud sebenar daripada usul tersebut, bukan?

Datuk Asri dan Pas harus berlaku jujur kepada rakyat dan pengikut mereka. Mereka harus jujur mengakui Pas tidak terdaya hendak melaksanakan idealisme mereka. Lebih dari itu, mereka harus sekarang mengakui sebahagian besar daripada idealisme mereka itu sudah sebenarnya dilaksanakan atau sedang dilaksanakan.

Datuk Asri dan pemimpin-pemimpin Pas yang bertungkus lumus menegakkan Pas harus berjiwa besar. Dalam percaturan politik ini mereka tidak kalah. Mereka sebenarnya menang kerana niat dan cita-cita mereka untuk mendirikan negara yang pentingkan nilai-nilai Islam sudah pasti akan termakbul. Cuma mereka tidak menang merebut kuasa politik.

Akan tetapi jikalau tujuan Pas untuk berkuasa hanyalah untuk mendirikan sebuah negara berteraskan nilai Islam, Pas tidak perlu lagi masuk campur dalam politik.

Barang kali lebih baik bagi Datuk Asri dan alim ulama Pas yang lain berusaha menyebarkan syiar Islam secara bersungguh-sungguh. Mereka boleh menggunakan segala kemudahan seperti masjid, surau, sekolah dan pusat-pusat latihan khas yang disediakan kerajaan untuk mencapai tujuan suci mereka.

Pendek kata jikalau Datuk Asri dan Pas benar-benar jujur untuk mengembangkan Islam dan meninggikan taraf hidup umah, tidak ada sebab mengapa mereka tidak patut mengundi Umno. Umno tidak perlu Pas untuk melaksanakan tanggungjawabnya terhadap agama, bangsa dan negara. Tetapi Pas perlu kepada Umno jikalau ia ingin lihat 'igauannya' menjadi kenyataan.

Dalam tahun 1974, misalnya, pimpinan Pas sendiri dituduh oleh Fakhruddin Abdullah, bekas Ahli Parlimen Pas Pasir Mas yang juga seorang pemimpin Dewan Pemuda Pas, sebagai pimpinan tidak bersih dan mengamalkan sifat pilih kasih. Fakhruddin ketika itu menyeru rakyat Kelantan menjatuhkan Datuk Asri dan menggantinya dengan sebuah pimpinan yang 'bersih, jujur dan cekap'. Apakah Datuk Asri dan pemimpin Pas sudah lupa semua ini?